

KONSEP PEMERINTAHAN ISLAM BERASASKAN KONSEP PENGURUSAN EKONOMI KHALIFAH UMAR AL-KHATTAB RA *THE CONCEPT OF ISLAMIC GOVERNMENT BASED ON THE CALIPH OF UMAR AL-KHATTAB RA ECONOMIC MANAGEMENT CONCEPT*

Suwandi Simangunsong^{1*} & Mohd Syakir Mohd Rosdi¹

¹ Center for Islamic Development Management (ISDEV), 11800 Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang

ARTICLE INFO

*Author Email Address:
mohdsyakir@usm.my

Submitted Date:
1 October 2024

Revised Date:
30 November 2024

Accepted Date:
25 December 2024

Kata Kunci:
Konsep; Pemerintahan Islam;
Pengurusan Ekonomi; Khalifah
Umar al-Khattab RA

Keywords:
Keywords: *Concept; Islamic
Government; Economic Management;
Caliph Umar al-Khattab RA*

Cite as:

Suwandi Simangunsong & Mohd Syakir Mohd Rosdi. 2024. Konsep Pemerintahan Islam Berasaskan Konsep Pengurusan Ekonomi Khalifah Umar Al-Khattab RA. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 25(3): 119-132

ABSTRAK

Banyak kajian berkaitan kepemimpinan dalam Islam dilakukan oleh para pengkaji, tinggal lagi kajian berkenaan konsep pemerintahan Islam yang belum banyak dilakukan oleh mana-mana pengkaji. Kajian ini penting dilakukan bagi mengisi lompang kajian tersebut. Hal ini juga menunjukkan bahawa konsep pemerintahan Islam sangat penting dibina agar ia menjadi panduan kepada para pemimpin pada hari ini. Jika disoroti kembali sejarah, kepimpinan Islam pada masa lalu banyak meninggalkan ketamadunan dan kejayaan. Persoalannya, kenapa tidak dikembalikan kegemilangan tersebut dengan menggunakan konsep pemerintahan berteraskan Islam? Lebih menarik, terdapat seorang khalifah pada awal-awal pemerintahan Islam iaitu Umar al-Khattab RA yang berjaya memadu banyak perkara secara komprehensif sehinggakan berjaya memperoleh kejayaan dalam pemerintahannya. Justeru itu, kajian ini ingin menumpukan konsep pengurusan kepemimpinan berteraskan Islam Umar al-Khattab RA agar ia dapat dijadikan panduan pembinaan konsep pemerintahan berteraskan Islam. Daripada kepentingan-kepentingan tersebut, kajian ini dilakukan dengan menggunakan reka bentuk kajian metod naratif kerana ia bertepatan dengan data sekunder yang dikumpulkan iaitu dengan menggunakan kaedah kajian dokumen. Data-data ini kemudiannya dianalisis dengan menggunakan kaedah analisis kandungan kualitatif. Hasilnya didapati bahawa kerangka konsep pengurusan ekonomi kepemimpinan berteraskan Islam Umar al-Khattab RA yang meliputi dua prinsip, satu ciri, dan satu kaedah dapat dijadikan sebagai sebahagian konsep pemerintahan berteraskan Islam. Bagi dua prinsipnya ialah takut hanya kepada Allah SWT dan mempertahankan syariat Islam. Satu ciri kepemimpinan Umar al-Khattab RA ialah berakhlak mulia dan satu kaedah kepemimpinan Baginda pula mengembangkan tajdid. Kerajaan seperti ini terbukti mendapat jaminan keselamatan, keharmonian sosial dan tidak berlaku sebarang kezaliman

ABSTRACT

Many studies related to leadership in Islam have been conducted by researchers, but there is still a study on the concept of Islamic governance that has not been done by any researcher. This study is important to fill the gaps in the study. This also shows that the concept of Islamic governance is very important to build so that it can be a guide for leaders today. If we look back at history, Islamic leadership in the past left a lot of civilization and success. The question is, why not restore that glory by using the concept of Islamic-based governance? More interestingly, there was a caliph at the beginning of the Islamic rule, namely Umar al-Khattab RA who managed to combine many things comprehensively to the point of achieving success in his rule. Therefore, this study wants to focus on the concept of Islamic-based leadership management of Umar al-Khattab RA so that it can be used as a guide for building the concept of Islamic-based governance. From these interests, this study was conducted using a narrative method research design because it coincides with the secondary data collected, namely by using the document study method. This data was then analyzed using the qualitative content analysis method. The results found that the framework of the concept of economic management based on Islamic leadership of Umar al-Khattab RA which includes two principles, one characteristic, and one method can be used as part of the concept of Islamic governance. The two principles are fear only of Allah SWT and defending Islamic law. One characteristic of Umar al-Khattab RA's leadership is having noble character and one method of his leadership is developing tajdid. This kind of government has been proven to guarantee security, social harmony and no injustice.

PENGENALAN

Sepanjang abad ke-20, dunia telah ditandai dengan pertembungan antara dua ideologi yang berpunca daripada perbezaan konsep ekonomi iaitu sosialisme dan kapitalisme. Kedua-dua ideologi ini sering digunakan sebagai bahan perbincangan akademik. Kajian ini melihat kedua-dua mazhab tersebut dalam kerangka yang sama iaitu sebagai konsep yang lahir daripada konsep Barat yang berbeza dengan konsep Islam. Maka menarik untuk mengkaji konsep ekonomi Islam dan barat melalui konsep pengurusan ekonomi berteraskan kepemimpinan Islam Umar al-Khattab RA. Secara ontologis (ilmu tentang hakikat), liberalisme berpandangan bahawa manusia pada dasarnya bebas melakukan apa sahaja termasuk dalam bidang ekonomi. Mereka mempunyai hak untuk memajukan perniagaan mereka, menggunakan tenaga kerja dan mempunyai hak untuk memiliki peralatan pengeluaran.

Manakala sosialisme pula mempunyai pandangan yang berbeza iaitu, dalam iklim kebebasan dalam kapitalisme *borjuis*¹, terdapat percanggahan sosial, iaitu percanggahan dalam hubungan kerja, antara majikan dan pekerja (Damsar & Indrayani, 2016). Antara kapitalisme dan sosialisme, terdapat sudut pandangan yang sama. Mereka berdua lahir dari konsep Barat. Konsep Barat dicirikan oleh perbezaan yang ketara dengan konsep Islam iaitu perbezaan *word view* (pandangan hidup). Jika Islam secara umum meletakkan pandangan hidup hanya kepada Allah SWT (*theocentric*), manakala Barat meletakkan pandangan hidup pada perkara yang *empirikal*.

Berdasarkan konsep pengurusan ekonomi dalam kepemimpinan berteraskan Islam, negara yang bertamadun tidak sepatutnya berpegang kepada lebih daripada satu konsep atau ideologi. Perkara yang menjadi sandaran konsep pengurusan ekonomi berteraskan Islam tidak selari dengan konsep ekonomi yang wujud dengan konsep Barat. Islam mengharamkan riba; Barat mengesahkan; Islam mengharamkan judi, Barat tidak; prinsip tauhid Islam, prinsip kapitalisme dan sosialisme Barat; konsep pengurusan ekonomi kapitalisme dan sosialisme ini diciptakan oleh manusia dalam sistem kepemimpinan Barat; konsep pengurusan ekonomi kepemimpinan berteraskan Islam bersumber al-Quran dan al-Hadith.

Islam menegakkan sebuah sistem yang berasaskan konsep pengurusan ekonomi berkemakmuran dan berkeadilan. Kefahaman mengenai keadilan yang diamalkan dalam Islam bukan sekadar ingin memastikan masyarakat hidup aman, tetapi lebih dari itu ialah bagi mematuhi perintah Allah SWT. Umat Islam percaya jika barisan kepemimpinan itu mematuhi perintah Allah SWT, maka masyarakat juga terjamin di bawah kepatuhan tersebut. Dalam pada itu, pemimpin Islam yang tidak mengamalkan konsep pengurusan ekonomi pemerintahan secara Islam mudah tergelincir melakukan kesalahan tidak beramanah dengan kepemimpinannya. Turki Uthmaniyah dijatuhkan oleh Kamal Attartuk disebabkan pemikiran

¹Orang daripada kelas pertengahan; Mengikut teori Marxisme, orang yang tergolong dalam kelas pertengahan yang memiliki kebanyakan harta dalam sistem kapitalis; Orang yg perangai dan pandangannya dipengaruhi oleh nilai atau kepentingan golongan kelas pertengahan (Kamus Dewan, 2005)

ingin membebaskan rakyat daripada belenggu agama. Beliau sebarkan fahaman kebebasan Barat yang akhirnya menyebabkan kepemimpinan Islam Turki Uthamiah menjadi kucar kacir dan lemah (Ramayulis, 1998).

Sesuai dengan isu tersebut, penting bagi kepemimpinan Islam kembali kepada pengurusan kepemimpinan berteraskan Islam agar dapat menciptakan suasana bernegara yang makmur dan adil. Biasanya apabila berbincang mengenai kepemimpinan dalam Islam, para pengkaji akan melihat daripada pengamalan empat khalifah. Walau bagaimanapun, dalam kajian ini, tidaklah melihat keseluruhan empat khalifah. Cukup lah untuk meneliti Umar al-Khattab RA yang diiktiraf sebagai pengeluar banyak ijtihad baru di zaman pemerintahannya jika dibandingkan dengan khalifah yang lain (Muhammad Baltaji, 2007).

Kepemimpinan Umar al-Khattab RA selama 10 tahun 6 bulan sebagai pemimpin dan ketua negara, dengan pencapaian yang benar-benar menentukan kemajuan sesebuah negara Islam dan makmurnya sesebuah penduduk memang terasa unik, jika diteliti perjalanan hidupnya setapak demi setapak dan sudah cukup memberi kesan dengan peranan kaedah kepemimpinan Baginda. Kaedah kepemimpinan Umar al-Khattab RA dapat dilihat daripada banyak kisah yang menunjukkan kelebihan Baginda dalam menjalankan pemerintahannya. Sebagai objek kajian ini, ia diteliti bagaimanakah Umar al-Khattab RA menjadi pimpinan yang disegani setelah mengamalkan kepemimpinan yang dianjurkan Islam? Apakah yang menjadi konsep pengurusan ekonomi kepemimpinan berteraskan Islam Umar al-Khattab RA? Oleh kerana kelebihannya itu, maka diperlukan kajian mengenai konsep pengurusan ekonomi kepemimpinan berteraskan Islam Umar al-Khattab RA ini, yang nantinya diharapkan dapat memberikan penyelesaian kepada masalah kepemimpinan masa kini.

METODOLOGI PENYELIDIKAN

Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kualitatif dengan pendekatan metodologi naratif. Bentuk naratif digunakan kerana isi perbincangannya lebih jelas beralaskan fakta yang sesuai dengan apa yang diberitahu oleh sumber sejarah. Data-data sejarah berbentuk penceritaan dikumpulkan berasaskan kajian dokumen dan dianalisis dengan menggunakan kaedah analisis kandungan. Analisis ini digunakan untuk mendapatkan rujukan yang sah dan dapat dikaji semula berdasarkan konteksnya (Krippendoff, 1993). Dalam analisis ini proses memilih, membandingkan, menggabungkan dan menyusun pelbagai pandangan untuk mencari yang relevan (Serbaguna, 2005).

Untuk kesahan dan kebolehpercayaan data, kajian ini menggunakan pendekatan kritikan. Perkara yang paling penting dari kajian kandungan ini adalah berkaitan dengan kritikan dalaman (kredibiliti) dan kritikan luaran (keaslian) sumber data. Menurut Kuntowijoyo (1995), kritikan luaran (masalah keaslian) cuba meneliti dokumen untuk membuktikan keaslian sumber, iaitu dengan meneliti bagaimana kertas, tinta, gaya penulisan, bahasa, kalimat, ungkapan, kata-kata, huruf dan semua penampilan luar, untuk mengetahui kesahihannya. Sekiranya masalah kesahihan telah disahkan, maka penyelidik melakukan ujian kredibiliti (kritikan dalaman). Menurut E. Kosim (1988), melakukan kritikan dalaman yang bertugas menjawab pertanyaan adakah keterangan yang diberikan oleh sumber itu boleh dipercayai.

Pendekatan kritikan ini penting bagi mendapatkan kesahihan sumber data. Data yang diperoleh perlu diyakini dan benar agar hasil dapatan kajian boleh dipercayai dan tidak dipertikaikan kesahihannya.

Teori dan Pemilihan Konsep Kajian

Membuka perbincangan berkaitan teori dan konsep kepemimpinan berteraskan Islam², al-Mawdudi (1978) menyatakan bahawa Islam mengasaskan konsep kepemimpinan berteraskan Islam berdasarkan tiga prinsip. Pertama, tauhid sebagai titik tolak segala proses kepemimpinan berteraskan Islam iaitu keesaan-Nya, sifat-sifat kesempurnaan dan Maha Suci dari sebarang kekurangan Allah SWT. Justeru, ia menjadi nadi menggerakkan proses kepemimpinan tersebut. Kedua, risalah adalah hukum Allah SWT. Secara khusus, kepemimpinan berteraskan Islam diterima melalui wahyu oleh Rasulullah SAW dan termaktub dalam al-Qur'an dan Sunnah. Rasulullah SAW menunjukkan contoh dan teladan pelaksanaan kepemimpinan berteraskan Islam. Malah, beliau merupakan pemimpin dan pengasas Negara Islam yang pertama berteraskan kepemimpinan Islam. Ketiga, khalifah ialah manusia dan wakil Allah SWT. Manusia diberi tanggungjawab untuk melaksanakan amanat daripada Allah SWT.

Di samping itu, menurut Ibn Khaldun, kepemimpinan berteraskan Islam memiliki kaedah, iaitu membawa seluruh manusia berada di atas landasan syarak bagi kepentingan akhirat dan urusan keduniaan yang menguntungkan akhirat kerana segala urusan dunia bagi Allah SWT semuanya diukur penerimaannya mengikut neraca akhirat. Justeru itu, khilafah adalah mengganti pihak Allah SWT dan Rasul di dalam mengawal agama dan mengurus urusan keduniaan berdasarkan agama. Definisi yang dikemukakan oleh Ibn Khaldun ini adalah hampir sama dengan definisi yang diberikan oleh al-Mawardi dengan memberi penekanan bahawa agama adalah landasan di dalam mengendalikan urusan keduniaan iaitu pentadbiran negara (Ibn Khaldun, 2010; al-Mawardi, 2000). Maka teori dan pemilihan konsep kaedah kepemimpinan berteraskan Islam yang pengkaji gunakan dalam kajian ini ialah gabungan daripada pendapat al-Mawdudi, Ibn Khaldun dan al-Mawardi.

KONSEP PENGURUSAN EKONOMI KEPEMIMPINAN BERTERASKAN ISLAM UMAR AL-KHATTAB RA

Dalam konsep pengurusan ekonomi kepemimpinan berteraskan Islam, Umar al-Khattab RA dalam mengurus rakyat dengan peraturan Islam. Umar al-Khattab RA menambah baik sistem pentadbiran dan pengurusan kewangan negara dengan menambah baik *al-bayt al-mal* dan menubuhkan diwan-diwan. Daripada *al-bayt al-mal* inilah Umar al-Khattab RA dapat bebas

² Istilah berteraskan Islam mula dipopularkan oleh Prof Muhammad Sukri Salleh dalam disiplin ilmu pembangunan berteraskan Islam. Rujuk tujuh prinsip pembangunan berteraskan Islam (Muhammad Syukri Salleh 2021). Ilmu berteraskan Islam yang pengkaji pahami ianya ilmu berasal dari akar umbi Islam dalam segala aspeknya. Dalam kajian ini mengambil istilah berteraskan Islam ini kepada kepemimpinan berteraskan Islam.

menguruskan masyarakat baik Islam mahupun bukan Islam agar rakyat hidup sejahtera, aman, damai dan tenteram di bawah naungan Islam. Umar al-Khattab RA terbukti mempunyai pengurusan kepemimpinan yang hebat, mampu membawa kejayaan umat Islam. Kehebatan Umar al-Khattab RA mendapat pengiktirafan dari pelbagai kalangan, baik Muslim atau bukan Islam (Marwa, 2018). Pengurusan itu dapat dilihat pada bahasan di bawah.

Konsep pengurusan masyarakat dalam bidang ekonomi, beberapa usaha Umar al-Khattab RA dalam membangunkan ekonomi masyarakat ialah mengagihkan harta khalifah kepada orang ramai yang diperoleh daripada jatah ghanimah, pinjaman modal kepada usahawan, penarikan tanah negara yang terbiar kemudian memberikannya kepada orang miskin untuk diurus dan ditanam, pembangunan bandar, memperbaiki jalan dan jambatan, menggali sungai, teluk dan pelabuhan. Umar al-Khattab RA menguruskan masyarakat dengan beberapa asas kepemimpinan yang digunakan iaitu prinsip takut hanya kepada Allah SWT³ dan prinsip mempertahankan syariat Islam⁴, kemudian menggunakan ciri berakhlak mulia⁵ dan kaedah mengembangkan *tajdid*⁶. Antara program mengurus masyarakat dalam bidang ekonomi.

Mengagihkan harta khalifah kepada orang ramai yang diperoleh daripada jatah ghanimah. Ketika harta rampasan perang (*ghanimah*) dari tentara Kisra (Raja Persia) dikirim kepada Umar al-Khattab RA untuk dibagikan kepadanya dan kaum Muslimin. Tiba-tiba beliau membandingkan dengan pandangan mata dan *bashīrah* (pandangan hatinya) antara kehidupannya dengan kehidupan kedua sahabatnya, iaitu Rasulullah SAW dan Abu Bakar RA. Maka ia mendapati bahawa Allah SWT telah menyelamatkan kedua nya dari melihat harta yang menggoda tersebut. Maka dia takut bahawa harta itu adalah godaan (*istidraj*) yang akan membawanya kepada kebinasaan. Dia menangis dan berkata, "Ya Allah SWT, sesungguhnya

³ Prinsip takut hanya kepada Allah SWT yang diterapkan oleh Umar al-Khattab RA dalam mengurus masyarakat pada bidang ekonomi ialah khasyyatullah. Maksud khasyyatullah ialah perasaan takut yang disertai rasa hormat lahir sebagai hasil pengetahuan tentang sesuatu iaitu Allah SWT, sehingga dengan rasa takut dalam hal ini seseorang akan meningkatkan ibadah dengan melakukan segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya (Abu al-Qasim Mahmud Zamakhsyari, 2009). Dalam hal ini prinsip takut Umar al-Khattab RA kepada Allah SWT adalah perkara harta. Dalam tafsiran *al-Misbah* khauf ialah satu peringkat ketakutan yang paling rendah, manakala tahap yang lebih tinggi dipanggil *khasyyah*, yaitu rasa takut orang yang istimewa (khusus) yang disertai oleh *ma'rifatullah*, seperti para Nabi dan para ulama' (Quraisy Shihab, 2004).

⁴ Prinsip mempertahankan syariat Islam Umar al-Khattab RA berdasarkan; Pertama, pertimbangan terhadap kemaslahatan manusia, dalam hal ini seperti memberikan pinjaman modal. Kedua, Usaha untuk mengelakkan manusia daripada bahaya, kerosakan, kesulitan dan sebagainya dengan menjangka awal. Ini kemudiannya dikenali sebagai *saddu al-zari'at* (penutupan pintu yang berpotensi bahaya, dalam hal ini seperti mengagihkan harta rampasan perang milik khalifah, kerana bagi Baginda itu membahayakan dirinya dan keluarganya diakhirat kelak), *dar'u al-mafasid* (mengelakkan kerosakan, dalam hal ini penarikan tanah negara yang terbiar dan memberikannya kepada orang miskin untuk diurus dan ditanam. Tanah yang terbiar dan tak ditanam akan menumbulkan kerosakan dan kelumpuhan ekonomi) dan *al-siyasah al-syar'iyah* (menjaga urusan rakyat, dalam hal ini menjaga ekonomi rakyat). Ketiga, penamatan beberapa peruntukan undang-undang kerana illat telah hilang atau syarat tidak dipenuhi untuk dapat menerapkannya seperti menarik tanah negara yang tak terurus (al-'Alwani, 1995; al-Shallabi, 2020).

⁵ Akhlak seorang pemimpin itu baik kerana sifat, tingkah laku dan sikapnya dapat membahagiakan orang lain (rakyat) dan menunjukkan karismanya kepada orang yang dipimpinya, sehingga dapat dinyatakan di sini, bahawa seorang pemimpin itu berakhlak mulia jika berperibadi iaitu mengikut peraturan (ketentuan) agama, masyarakat, keluarga dan negara atau bangsa (Mustofa, 2010).

⁶ Kaedah Umar al-Khattab RA mengurus masyarakat pada bidang ekonomi adalah pengembangan *tajdid* dengan peringkat mengekalkan dan memelihara keperluan asas yang lima (*al-dharuriat al-khamsah*). Diketahui dan disepakati bahawa, urusan menjaga nyawa adalah melebihi urusan menjaga harta. *Abu Ubaidah* Masyhur menjelaskan bahawa perintah menurut sebahagian ulama ialah menjaga agama (*hifz al-dīn*), menjaga nyawa (*hifz al-nafs*), menjaga keturunan (*hifz al-nasl*), menjaga harta benda (*hifz al-māl*), dan menjaga akal (*hifz al-ʿaql*). Malah sebahagian ulama lebih mengutamakan kepentingan hidup berbanding agama (Abu 'Ubaidah Masyhur, 1997).

Engkau telah menahan harta ini daripada Rasul-Mu, walaupun dia lebih Engkau cintai dan lebih mulia di sisiMu daripadaku. Engkau juga telah menahan harta ini daripada Abu Bakar RA, walaupun dia lebih Engkau cintai dan lebih mulia daripadaku." Kemudian Engkau berikan kepadaku, maka aku berlindung kepada-Mu dari harta ini yang membahayakanku. Lalu Baginda berkata kepada 'Abdurrahman bin 'Auf RA "Aku bersumpah kepadamu agar engkau menjualnya lalu membagikannya kepada masyarakat sebelum datangnya petang hari" (Ibnu Katsir, 2013; Mustafa Murad, 2014; al-Shallabi, 2020).

Pada peringkat ini terlihat nilai-nilai takut kepada Allah SWT begitu positif terhadap kemerdekaan Umar al-Khattab RA. Baginda tidak terpesona dengan kilauan dunia, manusia pada umumnya jika memegang kepemimpinan maka apa yang berlaku adalah peluang untuk memupuk kekayaan. Umar al-Khattab RA memilih kehidupan yang sederhana. Keupayaan Umar al-Khattab RA untuk hidup sederhana membolehkan beliau mengekalkan kemerdekaannya. Lebih-lebih lagi, kesederhanaan ini ditunjangi oleh watak yang kuat baik terhadap dirinya mahupun terhadap keluarganya. Untuk dapat menjaga kesederhanaan diri dan keluarganya, baginda tak mengambil hak yang halal bagi mereka.

Satu lagi impak positif ciri akhlak mulia Baginda ialah dari segi ekonomi. Dengan akhlak mulia Umar al-Khattab RA, harta rakyat terjaga. Manusia berasa dilindungi dan selesa. Tiada rasa takut usahawan apabila memasuki pasaran kerana Umar al-Khattab RA sentiasa menjaga peraturan pasaran dengan baik dan memberi pinjaman modal. Dari sisi rakyat pula, akhlak mulia Umar al-Khattab RA dengan kesederhanaannya tentu menggembirakan orang ramai kerana Umar al-Khattab RA tidak cuba mengambil kesempatan sebagai khalifah.

Kemudian program memberi pinjaman modal dari *al-bayt al-mal* (perbendaharaan negara) untuk membantu individu-individu yang terpinggirkan atau berada dalam kesulitan ekonomi. Contoh yang tercatat adalah ketika 'Umar RA memberikan pinjaman sebesar 4,000 dirham kepada Hindun binti 'Utbah, yang saat itu menghadapi kesulitan setelah diceraikan oleh suaminya (Hatta, 2013). Pinjaman ini digunakan oleh Hindun untuk memulai usaha niaga, membantu dirinya keluar dari kemiskinan dan ketergantungan.

Umar al-Khattab RA memandang bahwa menimbun harta di perbendaharaan negara tanpa menggunakannya untuk kepentingan rakyat adalah tindakan yang tidak bermanfaat. Menurutnya, penimbunan harta yang berlebihan di *al-bayt al-mal* dapat membuka peluang terjadinya rasuah, salah guna kuasa, dan pelbagai bentuk penyelewengan lainnya, termasuk pakatan sulit dan nepotisme (Muh}ammad Baltaji, 2007). Pemikirannya tercermin dalam pandangan bahwa harta yang ada di *al-bayt al-mal* seharusnya digunakan secara efektif untuk meningkatkan kesejahteraan masyarakat dan mencegah penyelewengan oleh pemerintah.

Dengan kebijakan ini, Umar al-Khattab RA menekankan pentingnya distribusi harta yang tepat guna, serta mendorong kemandirian ekonomi di kalangan masyarakat yang kurang beruntung. Pada peringkat ini Umar al-Khattab RA menerapkan prinsip mengamalkan amanah dengan ciri berakhlak mulia dengan kaedah *h}ablum min al-nas*. Belanjawan negara sebagai amanat yang mesti dibagi sama rata dalam pembangunan ekonomi bagi merealisasikan kesejahteraan masyarakat.

Pada zaman Umar al-Khattab RA, masih banyak tanah tandus dan tanah mati yang belum diusahakan dan dimanfaatkan. Kadang-kadang Umar al-Khattab RA memberi tanah kepada orang yang mampu menguruskannya dengan baik. Terdapat ramai atsar-atsar Umar al-Khattab RA membatalkan hak milik tanah yang diambil dari negara, jika tidak digunakan. Umar al-Khattab RA pernah memberikan tanah mati kepada Khawwat bin Jubair, kemudian memberikan kepada Zubair bin Awwam RA seluruh tanah 'Aqiq kemudian memberikan kepada 'Ali bin Abi Thalib RA tanah Yanbu' dengan air yang banyak, kemudian 'Ali bin Abi Thalib RA memberikannya sebagai sedekah kepada golongan miskin. Terdapat juga beberapa atsar tentang pemberian tanah olehnya kepada beberapa sahabat yang lain (al-Shallabi, 2020).

Umar al-Khattab RA dengan kuasa dan polisi di bawah kendaliannya, telah menyediakan beberapa sumber alam berupa tanah yang boleh dimanfaatkan oleh anggota masyarakat yang bekerja sebagai petani dan dibangunkan sebagai modal awal dalam perniagaan pertanian. Polisi Umar al-Khattab RA mengenai pemberian tanah mati memberi impak yang besar kepada penggiliran aktiviti ekonomi masyarakat dan dapat meningkatkan kebajikan khususnya di kalangan fakir miskin.

Umar al-Khattab RA memang mempunyai kaedah sendiri dalam mengembang *tajdid* mengenai kekayaan dan pemilikan persendirian berhubung dengan fenomena ekonomi dan kemiskinan. Beliau berpandangan bahawa, lebih kekayaan yang ada pada orang kaya, boleh ditarik sebahagiannya secara paksa dan kemudian diberikan kepada orang miskin yang benar-benar memenuhi kriteria untuk disokong. Yang ditarik ialah status di luar zakat. Maksudnya, selain zakat, terdapat satu lagi kewajipan bagi orang kaya sekiranya bekalan zakat yang telah dikutip tidak dapat memenuhi keperluan orang miskin (Muhammad Baltaji, 2007).

Justeru, dapat difahami, menurut Umar al-Khattab RA, tidak cukup bagi orang kaya jika dinasihatkan hanya membaca ayat al-Quran dan hadith. Tetapi ia mestilah dengan menggunakan kuasa kerajaan. Nampaknya Umar al-Khattab RA memahami bahawa, setiap undang-undang yang menjadi kewajipan setiap manusia, pemerintah berhak mengawalnya dengan menggunakan kuasanya. Matlamatnya ialah kewajipan itu sebenarnya boleh dilaksanakan. Orang kaya tidak boleh mengatakan bahawa harta yang mereka miliki adalah kerja keras mereka. Sehingga tidak ada seorang pun yang berhak mengaturnya dalam penggunaannya selama zakatnya telah ditunaikan. Orang kaya tidak berhak berkata demikian. Kerana harta yang mereka peroleh itu sebenarnya, dalam pemahaman yang dikembangkan oleh Umar al-Khattab RA, hanyalah sebagai titipan di tangan mereka daripada Allah SWT untuk dijaga dengan sebaiknya. dan jika ada hambaNya yang sangat memerlukannya, maka Allah SWT memerintahkan dengan tegas agar sebahagian harta itu diberikan kepada mereka. Hal ini kerana, dalam al-Quran Allah SWT berfirman (al-Ḥadīd, 57:7) :

Maksudnya: "...dan nafkahkanlah sebagian dari harta yang telah Dia (Allah SWT) jadikan kamu menguasainya."

Ayat ini menegaskan bahawa, mereka yang diberi harta, mereka hanya diberi hak untuk menguasai harta tersebut, bukan untuk memilikinya sepenuhnya. Itulah maksud sebenar *istikhlāf*⁷ seperti yang dinyatakan dalam ayat di atas. Pemilik sebenar adalah Allah SWT. Kerana pemiliknya adalah Allah SWT, jika diperintahkan untuk diberikan kepada hambaNya yang memerlukan, maka wajib melaksanakan perintah itu. Kini, sekali lagi Umar al-Khattab RA memahami bahawa perintah ini adalah perintah wajib sekiranya ia berkaitan dengan keperluan mendesak orang miskin (Muhammad Baltaji, 2007).

Kemudian mengurus masyarakat dalam bidang ekonomi melalui pembangunan bandar. Al-Shallabi, (2020) menjelaskan bahawa perbelanjaan negara pada zaman Umar al-Khattab RA khususnya aset *al-bayt al-mal* yang diperoleh daripada *ghanimah* diperuntukkan untuk membangun kota-kota yang merupakan kemudahan yang dituntut dalam proses pengurusan masyarakat, kerana di dalamnya terdapat banyak kegiatan kehidupan masyarakat, dan di atasnya didirikan pelbagai kemudahan dan perkhidmatan awam (al-Haritsi, 2020). Antara kota yang dibina pada zaman Umar al-Khattab RA ialah kota Basrah, kota Kufat, kota Mosul, kota Fustat, Giza dan kota Sirte di Libya (al-Shallabi, 2020). Pembangunan bandar dipilih di tempat yang dapat memberikan kemudahan serta bersesuaian dengan penduduknya, maka petani memerlukan lahan pertanian yang subur dan luas, peternak memerlukan padang ragut yang mencukupi. Oleh hal yang demikian, menghidupkan bandar yang dibuka dengan pasar dan pasarannya juga diatur dengan sistematik (Abdul Hadi Awang, 2021).

Pada peringkat ini Umar al-Khattab RA menerapkan prinsip keadilan dan prinsip mengamalkan amanah dengan ciri ketajaman akal (*aqliyah*) dan kaedah *hablum min al-nas*. Dengan ketajaman akal Umar al-Khattab RA membina kota-kota di setiap kawasan yang ditakluki oleh Islam secara adil dan saksama menggunakan harta *ghanimah* dan perbendaharaan negara sebagai amanat yang mesti ditunaikan dalam pembangunan negara bagi merealisasikan kesejahteraan masyarakat. Infrastruktur selanjutnya, pembangunan jalan dan jambatan, ini tercatat dalam perjanjian antara ‘Iyadh bin Ghunam dan penduduk Raha yang berbunyi seperti berikut:

“Dengan Nama Allah SWT ini adalah ketetapan ‘Iyadh bin Ghunam untuk Uskup Raha. Sungguh kamu telah membuka pintu-pintu kota untuk aku membayar dari setiap orang dewasa satu dinar dan dua mud gandum. Maka selamatlah jiwamu, hartamu dan orang-orang yang mengikutimu. Menjadi kewajiban kamu untuk memberi petunjuk kepada mereka yang sesat, memperbaiki jambatan dan jalan, dan

⁷ Salah seorang ulama yang mempopularkan istilah Istikhlaf antaranya Yusuf Qardhawi dalam buku “Norma dan Etika Ekonomi Islam”. Secara definisi, pengertian Istikhlaf adalah segala harta yang ada pada manusia yang biasa disebut milik kita, pada hakikatnya hanya diamanahkan oleh Allah SWT. Ini kerana segala yang ada di alam ini adalah milik Allah SWT, sebagaimana firman Allah SWT: “Dan kepunyaan Allah SWT-lah apa yang ada di langit dan apa yang ada di bumi supaya Dia membalas orang-orang yang berbuat jahat terhadap apa yang telah mereka kerjakan dan memberi balasan kepada orang-orang yang berbuat baik dengan pahala yang lebih baik. (syurga).” (Surah *al-Najm*, 53:31) (al-Qardhawi, 2001).

menasihati orang Islam. Allah SWT telah menyaksikan dan cukuplah Dia sebagai saksi” (al-Shallabi, 2020).

Umar al-Khattab RA mewajibkan penduduk setempat; dalam hal ini, ahli *dhimmah*, untuk turut serta dalam memperbaiki jalan dan membina jambatan untuk kemudahan tersebut akan digunakan oleh masyarakat-masyarakat setempat (Abdul Hadi Awang, 2021). Pada peringkat ini Umar al-Khattab RA menerapkan prinsip memartabatkan kepemimpinan khalifah, prinsip menerapkan keadilan dengan kaedah *hablum min al-nas*. Umar al-Khattab RA menunjukkan maruah kepemimpinan khalifah terhadap orang bukan Islam dengan mengarahkan mereka membina jalan dan jambatan dengan prinsip keadilan yang mereka sendiri akan menikmati kemudahan tersebut.

Umar al-Khattab RA juga membina sungai setelah mengetahui sebelum ini terdapat sebuah teluk yang pernah mengalir di antara sungai Nil berhampiran kubu Babylon hingga ke Laut Merah yang menghubungkan Hejaz dengan Mesir supaya memudahkan pertukaran perdagangan. Tetapi orang Rom meninggalkannya dengan menutup teluk. Kemudian Umar al-Khattab RA memerintahkan Gabenor Mesir, ‘Amru bin al-Ash RA untuk menggali kembali teluk itu, kemudian atas perintah gabenor teluk itu digali semula. Maka, Umar al-Khattab RA membuka jalan antara kota Hijaz dan kota Fustat, ibu kota Mesir, sehingga perdagangan berjalan lancar dan kembali kemakmuran antara dua lautan. Di kawasan teluk, dalam bandar Fustat, pelbagai tarikan pelancong, taman dan kediaman ditubuhkan. ‘Amru bin al-‘Ash RA menamakannya teluk Amirul Mu’minin (al-Shallabi, 2020; Abdul Hadi Awang, 2021).

Penggalian teluk ini juga merupakan hasrat Umar al-Khattab RA dalam memudahkan pengagihan makanan ke ibu Kota Madinah. Baginda berkata “Sesungguhnya jika aku masih hidup, nescaya aku akan membawa makanan penduduk Madinah dari Mesir sehingga aku meletakkannya di al-Jar”. Setelah teluk itu digali, maka Umar al-Khattab RA memerintahkan untuk membina sebuah gudang di sana yang bernama Dar ar-Rizqi untuk menyimpan makanan dan lain-lain yang datang dari Mesir, dan melantik Sa'ad al-Jari sebagai orang yang bertanggungjawab ke atas pelabuhan al-Jar dan gudang logistik di sana (al-Haritsi, 2020). Di Iraq, Umar al-Khattab RA menggali saluran air tiga farsakh dari lembah ke Basrah untuk mengalirkan air sungai Tigris ke Basrah. Projek-projek ini yang merangkumi penggalian pelbagai sungai, teluk, perbaikan jalan serta pembinaan jambatan dan empangan menelan belanja negara yang besar pada zaman Umar al-Khattab RA (al-Shallabi, 2020; Abdul Hadi Awang, 2021).

Pada peringkat ini Umar al-Khattab RA menggunakan prinsip menerapkan keadilan dengan ciri memiliki matlamat jelas dan dengan kaedah *hablum min al-nas*. Umar al-Khattab RA menggali sungai dan teluk untuk mengagihkan bekalan makanan secara adil dengan matlamat yang jelas dan boleh diukur iaitu mewujudkan suasana ekonomi baharu dan kehidupan baharu yang lebih baik untuk meningkatkan kesejahteraan masyarakat.

PEMBINAAN KONSEP PEMERINTAHAN ISLAM BERDASARKAN KONSEP PENGURUSAN EKONOMI KHALIFAH UMAR AL-KHATTAB RA

Konsep pengurusan ekonomi Khalifah Umar al-Khattab RA meliputi lapan prinsip, enam ciri, dan empat kaedah. Lapan prinsipnya adalah ketauhidan kepada Allah SWT, takut hanya kepada Allah SWT, cinta kepada Rasulullah SAW, mempertahankan syariat Islam, memartabatkan kepimpinan khalifah, mengutamakan syura, menerapkan keadilan, dan mengamalkan amanah. Enam ciri kepemimpinan Umar al-Khattab RA pula ialah memiliki ketajaman akal, menguasai nas al-Quran dan al-Hadith, diakui kesolehan, berakhlak mulia, memiliki matlamat jelas, dan mematuhi syariat Islam. Bagi empat kaedah kepemimpinan Baginda pula ialah berpandukan sumber-sumber utama Islam, mengutamakan *hablum min Allah SWT*, memelihara *hablum min al-nas* dan mengembangkan *tajdid*. Terdapat perkara menguruskan masyarakat bidang ekonomi. Dalam Jadual 1, ia menunjukkan data hasil analisis konsep pengurusan ekonomi Umar al-Khattab RA memperlihatkan peredaran penggunaan prinsip, ciri dan kaedah dalam konsep pengurusan ekonomi kepemimpinan berteraskan Islam Umar al-Khattab RA. Seterusnya daripada peredaran ini, akan dirumuskan tahap pengetahuan tentang rumusan konsep pengurusan ekonomi kepemimpinan berteraskan Islam Umar al-Khattab RA. Berikut adalah Jadual 1.

Jadual 1: Hasil Analisis Konsep Pengurusan Ekonomi Umar al-Khattab RA.

Perkara	Prinsip	Ciri	Kaedah
Menguruskan Masyarakat Dalam Bidang Ekonomi ⁸	<ul style="list-style-type: none"> • Takut hanya kepada Allah SWT • Mempertahan syariat Islam 	<ul style="list-style-type: none"> • Berakhlak mulia 	<ul style="list-style-type: none"> • Mengembangkan <i>tajdid</i>.

Konsep pengurusan ekonomi kepemimpinan berteraskan Islam Umar al-Khattab RA bagi perkara menguruskan masyarakat dalam bidang ekonomi, bila dianalisis maka didapati menggunakan prinsip mempertahankan syariat Islam, prinsip takut hanya kepada Allah SWT, ciri berakhlak mulia dan kaedah mengembangkan *tajdid*. Maka dapat dirumuskan bahawa, Umar al-Khattab RA dalam kepemimpinannya pada perkara menguruskan masyarakat dalam bidang ekonomi menerapkan konsep takut hanya kepada Allah SWT pada perkara harta dunia dengan pendekatan *khasyyatullah* iaitu perasaan takut yang disertai rasa hormat lahir sebagai hasil pengetahuan tentang Allah SWT. Sehingga dengan rasa takut itu Baginda meningkatkan ibadah dengan melakukan segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya, diantaranya dengan mempertahankan syariat Islam berdasarkan kemaslahatan manusia, mengelakkan manusia


⁸ Mengagihkan harta khalifah kepada orang ramai yang diperoleh daripada jatah *ghanimah*, pinjaman modal kepada usahawan, penarikan tanah negara yang terbiar kemudian memberikannya kepada orang miskin untuk diurus dan ditanam, pembangunan bandar, memperbaiki jalan dan jambatan, menggali sungai, teluk dan pelabuhan.

daripada bahaya, kerusakan, kesulitan dan sebagainya dengan menjangka awal atau *saddu al-zari^c āt⁹* dan *al-siyāsah al-syar^ciyyah¹⁰*.

Umar al-Khattab RA dengan akhlaknya yang baik, membahagiakan rakyat dan menunjukkan karismanya kepada orang yang dipimpinnya, sehingga dapat dinyatakan di sini bahawa Baginda seorang pemimpin berakhlak mulia dengan mengikut peraturan (ketentuan) agama dalam mengatur keluarga, masyarakat dan negara atau bangsa. Konsep mengembangkan *tajdid* pula dengan mengekalkan dan memelihara keperluan asas yang lima (*al-dharuriyyāt al-khamsah*). iaitu menjaga agama (*hifz al-dīn*), menjaga nyawa (*hifz al-nafs*), menjaga keturunan (*hifz al-nasl*), menjaga harta benda (*hifz al-mal*), dan menjaga akal (*hifz al-^caql*). Diketahui dalam hal menguruskan masyarakat dalam bidang ekonomi Umar al-Khattab RA berijtihad mengutamakan urusan menjaga nyawa melebihi urusan menjaga harta. Malah sebahagian ulama sekarang ini lebih mengutamakan kepentingan nyawa berbanding agama (Abu Ubaidah Masyhur, 1997). Rajah 1 menunjukkan dapatan rumusan konsep kepemimpinan berteraskan Islam 'Umar al-Khattab RA pada perkara menguruskan masyarakat dalam bidang ekonomi.

⁹ penutupan pintu yang berpotensi bahaya

¹⁰ menjaga urusan rakyat, dalam hal ini menjaga ekonomi rakyat.




Rajah 1: Kerangka Rumusan Konsep Menguruskan Masyarakat Dalam Bidang Ekonomi

Bagi menyokong kajian ini juga, pengkaji telah membina satu kerangka hasil dapatan konsep pengurusan ekonomi kepemimpinan berteraskan Islam Umar al-Khattab RA. Asas kerangka konsep ini adalah berbentuk segitiga, yang menunjukkan jalinan di antara prinsip, ciri dan kaedah. Pada puncak segitiga menunjukkan konsep kepemimpinan berteraskan Islam Umar al-Khattab RA iaitu prinsip takut hanya kepada Allah SWT dan mempertahankan syariat Islam dengan berakhlak mulia melalui kaedah mengembangkan *tajdid*. Maka dengan ini dapat dirumuskan konsep pengurusan ekonomi kepemimpinan berteraskan Islam Umar al-Khattab RA ialah; Umar al-Khattab RA, seorang pemimpin yang takut hanya kepada Allah SWT, sentiasa memperjuangkan dan menegakkan syariat Islam dengan akhlaknya yang mulia bagi memperbaharui kemajuan negara dan kesejahteraan rakyatnya. Sehingga dengan ini semua, Umar al-Khattab RA dapat menguruskan masyarakatnya dengan cemerlang (*hablum min al-nas*) tanpa mengabaikan kewajipan dengan Allah SWT (*hablum min Allah SWT*). Rakyatnya mencintainya sebagai pengiktirafan yang kukuh dari rakyat dan keyakinan orang bukan Islam begitu tinggi keatas kepimpinan Baginda. Itulah rumusan konsep kepemimpinan berteraskan Islam Umar al-Khattab RA.

KESIMPULAN

Berdasarkan hasil kajian dan perbincangan mengenai konsep pemerintahan Islam berasaskan pengurusan ekonomi Khalifah Umar al-Khattab RA, rumusannya ialah pengurusan ekonomi Khalifah Umar al-Khattab RA merangkumi pinjaman modal dan pemberian tanah. Dalam bidang ekonomi, Khalifah ‘Umar al-Khattab RA melaksanakan pelbagai pembaharuan untuk meningkatkan kesejahteraan rakyat. Beliau mengawal selia pengagihan tanah pertanian dan mewujudkan sistem pengurusan tanah yang adil, supaya hasil pertanian dapat dinikmati oleh semua lapisan masyarakat. Selain itu, beliau juga memperkenalkan sistem percukaian yang adil dan teratur, serta menggalakkan pembangunan perdagangan dengan membina infrastruktur seperti pasar dan jalan raya, perolehan kemudahan pengangkutan, perolehan perkhidmatan pos, pembinaan bandar, pembinaan tempat rehat tetamu dan pengembara, pembinaan kuttub (sekolah), pembaikan jalan dan jambatan, penggalian sungai, teluk dan pelabuhan. Akhirnya, bagi merumuskan kajian, pengkaji telah membina satu kerangka hasil dapatan pada Rajah 2 menunjukkan kerangka rumusan konsep pengurusan ekonomi kepemimpinan berteraskan Islam Umar al-Khattab RA.



Rajah 2: Rumusan Konsep Pemerintahan Islam Berasaskan Konsep Pengurusan Ekonomi Khalifah Umar al-Khattab RA

RUJUKAN

- A. Mustofa. (2010) *Akhlak Tasawuf*. Bandung: Pustaka Setia.
- Abul A'la al Mawdudi. (1978). *Khilafah dan Kerajaan*. Bandung: Mizan.
- Al-'Alwani, Thaha Jabir. 1995. *Huquq al-Muttaham fi al-Islam*. Tapa Kota: Association of Muslim Sosial Scientists.
- Al-Attas, S. M. N. (1996). *The Worldview of Islam: An Outline*. Dalam *Islam and the Challenge of Modernity: Historical and Contemporary Contexts*, diedit oleh S. S. Al-Attas. Kuala Lumpur: International Institute of Islamic Thought and Civilization (ISTAC).
- Awang, Abdul Hadi. (2021). *'Khalifah Umar RA (Fiqh Siasah Khulafa' Al-Rasyidin 2*. Kuala Lumpur. Pustaka Permata Ummah.

- Baltaji, Muhammad. (2007). *Ijtihad Umar bin Khattab dalam Penetapan Syari'at Islam*. Terj. H. 'Abdul Rachman Soleh Siregar. Selangor: Berlian Publications SDN. BHD.
- al-Bukhari, al-Imam al-Hafidz Abi 'Abdillah Ibn Isma'il. (2003). *Shahīhul-Bukhari*. Beirut: Dar Ibn Hazm.
- Damsar & Indrayani. (2016). *Pengenalan kepada sosiologi luar bandar*. Jakarta: Kencana.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2005). *Kamus Dewan Edisi keempat*. Pustaka: Kuala Lumpur.
- Al-Ghazali. (2005). *Ayyuhal Walad*. Singapura-Jeddah-Indonesia: al-Haramain.
- Al-Haritsi, Jaribah Ahmad. (2020). *Fiqh Ekonomi Umar bin al-Khathab*. Terj. Asmuni Solihan Zamakhsyari. Jakarta: Perpustakaan Al-Kautsar.
- Husseini Zamburi. (2013). *The Golden Story of Umar bin Khaththab*. Jakarta. Maghrifah Pustaka.
- Ibnu Katsir. (2013). *Al-Bidayah Wan Nihayah*. Terj. Muhammad Isfahan. Crescentt News
- Ibn Khaldun. (2010). *Muqaddimah*, Terj. Masturi Irham. Jakarta: Bumi Aksara.
- Kosim, E. (1988). *Kaedah Sejarah. Asas dan Proses*. Sumedang: Fakultas Ilmu Budaya Universitas Padjadjaran.
- Krippendoff, Klaus. (1993). *Analisis Kandungan Pengenalan kepada Teori dan Metodologi*. Jakarta: PT. Raja Grafindo Persada.
- Kuntowijoyo. (1995). *Pengantar Ilmu Sejarah*. Yogyakarta: Yayasan Benteng Budaya.
- al-Mawardy. (2000). *Al-Ahkam al-Sulṭaniyyah wa al-Wilayat al-Dniyyah*, ed. In, Hukum Tata Negara dan Kepemimpinan dalam Takaran Islam. Terj: 'Abdul Hayyie al-Kattani dan Kamaluddin Nurdin. Gema Insani Press: Jakarta.
- Marwa, M. (2018). Umar Bin Khattab: Potret Keteladanan Sang Pemimpin Umat. *Al-Tadabbur*, 4(2), 1-20.
- Murad, Mustafa. (2014). *Kisah Hidup Umar Ibn Khattab*. Terj. Ahmad Ginanjar & Lulu M. Sunman, cet. 7. Jakarta. Zaman.
- Al-Qaradawi, Yusuf. (1997). *Membina Masyarakat Baru*. terj. Rushdi Helmi. Jakarta. Gema Human Press.
- Al-Qardhawi, Yusuf. (2001). *Norma dan Etika Ekonomi Islam*. Jakarta: Gema
- Ramayulis. (1998). *Modernisasi dalam Islam*. Padang: Zaky Press.
- Al-Shallabi, Ali Muhammad. (2020). *Biografi Umar bin Khattab*. Terj. Khairul Amru Harahap dan Akhmad Faozan. Pustaka Al-Kausar.
- Serbaguna, B.S. (2005). *Analisi Data pada Penelitian Kualitatif*. Yogyakarta. Graha Ilmu.
- Shihab, M. Quraisy. (2004). *Tafsir al-Misbah: Pesan, Kesan, dan Keserasian Al-Qur'an*, Tangerang: Lentera Hati.
- Syukri Salleh, Muhammad. (2021). "Tujuh Prinsip Pembangunan Berteraskan Islam" Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV) Universiti Sains Malaysia.
- Al-Zamakhsyari al-Khawarizmi, Abū al-Qāsim Jar Maḥmūd Umar (2009). *Al-Kasysyaf 'an Haqāiq at-Tanzil wa 'Uyūn at-Ta'wīl fī Wujūh at-Ta'wīl*. Bayrut: Dār al-Ma'rifah.